



Malam Gema Wira meriah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

■ DENGAN penuh semangat anggota-anggota tentera yang terdiri dari lelaki dan perempuan berdiri tegak menyanyi lagu *Negara Ku* menandakan berakhir sudah pertunjukan Malam Gema Wira yang diadakan di Stadium Negara Kuala Lumpur malam semalam.

Malam Gema Wira dipenuhi dengan berbagai-bagai anara nyanyian, tari, pentamin dan kawad diadakan sempena perayaan Hari Angkatan Tentera ke-48.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong merupakan tetamu kehormat menyaksikan persembahan Malam Gema Wira.

Mengiringi Yang di-Pertuan Agong ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad serta isteri. Turut hadir ialah Panglima Angkatan Tentera General Tan Sri Ghazali Mohd Seth serta isteri dan lain-lain pegawai tinggi tentera. —
Gambar Berita Harian.